

MELANGKAH KE BIDANG KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI AUTOMOTIF



Kemahiran dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi amat penting untuk merebut peluang pekerjaan dalam sektor industri berkaitan dan dipraktikkan secara meluas dalam era masa kini. Teknologi bukan sahaja diutamakan malah penggunaannya boleh difikirkan sebagai pelengkap tugas harian hidup kita. Bagi mencipta teknologi baru terutamanya bidang automotif, kepakaran perlu dimiliki dan biasanya kepakaran tersebut adalah milik seorang jurutera, di mana beliau dipertanggungjawabkan dengan pembangunan teknologi serta meningkatkan prestasi ekonomi yang dapat memanfaatkan setiap lapisan masyarakat.

Kini industri automotif telah meliputi seluruh rantai bekalan, daripada pusat servis kepada operasi pembuatan dan sehingga perkhidmatan selepas jualan untuk memenuhi permintaan pelanggan. Ini bukan sahaja meliputi bidang teknikal di peringkat kilang, yang termasuk pemasangan dan operasi automotif kejuruteraan mekanikal, tetapi juga bidang bukan teknikal seperti kesihatan dan keselamatan dalam aspek pembuatan dan perniagaan.

Berdasarkan permintaan yang tinggi dalam bidang kejuruteraan dan teknologi terutamanya industri automotif yang semakin berkembang, Universiti

Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Spanish Institute (UniKL-MSI) kini telah menyediakan program khususnya Automotif yang merangkumi bidang Mekanikal, Pembuatan, Elektrik dan Elektronik, serta bidang Pengurusan Automotif.

Program ini memberi tumpuan kepada semua jenis reka bentuk dan pembangunan sistem mekanikal termasuk automotif. Ia juga merangkumi *thermodynamics, heat transfer, structures materials, fluid dynamics dan advanced control systems*. Kejuruteraan automotif khususnya memberi tumpuan kepada penciptaan reka bentuk dan operasi enjin dan kereta. Ia bukan sahaja menawarkan latihan teoritik tetapi juga aplikasi praktikal di mana para penuntut akan mendapat pengalaman secara langsung dalam pengendalian serta operasi mesin dan enjin.

Tambahan pula, penuntut di kampus akan diberikan kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal agar mereka bersedia menghadapi cabaran kerjaya pada masa depan. Selain daripada tumpuan pada bidang pengkhususan, mereka juga akan didedahkan kepada pengetahuan lain seperti penguasaan, amalan perniagaan, kepimpinan dan keusahawanan sebagai nilai tambahan. Haluan ini bukan sahaja meningkatkan

kepakaran kejuruteraan malah memberikan pengetahuan yang boleh membantu para pelajar memulakan perniagaan mereka sendiri apabila tamat pengajian mereka kelak.

Para pelajar akan diberikan pembelajaran secara praktikal atau "hands-on" menerusi peralatan dan kemudahan yang disediakan sejajar dengan pawaian industri. Selain kemahiran teknikal, UniKL-MSI juga mengutamakan kemahiran komunikasi melalui aktiviti dan program yang dianjurkan oleh UniKL-MSI sendiri sambil mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif.

Menerusi kerjasama strategiknya dengan kerajaan Sepanyol, UniKL-MSI berkongsi teknologi serta kepakaran dan seterusnya menyediakan bengkel dan makmal berteknologi tinggi dengan kelengkapan, peranti, mesin dan peralatan yang terkini. Kemudahan-kemudahan ini terdiri daripada beberapa makmal dan bengkel, termasuk Makmal Kejuruteraan Bahan, Makmal Termal, Makmal Mekanik Fluida, Makmal CAD/CAE, Makmal Automotif, Pembangunan Reka Cipta dan Makmal Prototip.

Kadar kebolehpasaran graduan UniKL-MSI mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan berdasarkan hasil dari pelaksanaan program kebolehpasaran graduan dan aktiviti sokongan yang berturus. Pelbagai program perediaan profesional dan kursus telah dilaksanakan yang berbentuk kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi, etika, peningkatan kualiti dan produktiviti yang bertujuan menghasilkan para jurutera dan teknologi yang cekap, inovatif dan berpengetahuan luas.

Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang fokus dalam bidang kejuruteraan dan teknologi, UniKL-MSI telah memacu usaha Malaysia melahirkan jurutera dan ahli teknologi profesional di negara ini selari dengan moto UniKL "Where Knowledge is Applied and Dreams Realised". Graduan UniKL-MSI yang dinamik dan berkualiti tinggi kini mampu memainkan peranan yang penting dalam industri di peringkat antarabangsa, multinasional, dan tempatan seperti Intel Corporation, First Solar (M) Sdn. Bhd, Coho (M) Sdn. Bhd, Sensata



"UniKL-MSI membentuk graduan yang mampu bersaing dalam industri semasa dan memberi impak dalam pembangunan teknologi di negara kita. Latihan dan pembelajaran secara hands-on memberi kelebihan kepada graduan UniKL untuk terus mendapat tempat dalam industri."

EZRI RUL BIN MOHD ISHA
Engineer, Coho (M) Sdn Bhd
Graduan Bach, Engineering Technology
(Hons) in Mechatronic (Automotive)

Technologies Malaysia, PROTON dan sebagainya. UniKL-MSI yang terletak di Kulim Hi-Tech Park dan dikelilingi oleh industri utama telah membuka peluang dan pilihan kepada pelajar dengan menawarkan program Sepuluh Masa di peringkat Pasca Siswazah, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

UniKL-MSI merupakan salah satu kampus Universiti Kuala Lumpur, sebuah universiti milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Untuk maklumat lanjut dan pengambilan sesi September 2020, sila hubungi 04-403 5200 atau hantarkan e-mel kepada hamizah@unikl.edu.my atau lawati www.unikl.edu.my

Where Knowledge is Applied and Dreams Realised



SESI KONSULTASI BERSAMA UniKL

18 OGOS - 4 SEPTEMBER 2020
(kecuali Sabtu, Ahad & Cuti Umum)
(Johor - kecuali Jumaat & Sabtu)

SESI KONSULTASI:
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

- Taklimat secara perseorangan bagi program serta tawaran terus kepada pelajar
- Taklimat secara perseorangan bagi proses pendaftaran dan dokumen yang perlu disediakan
- Maklumat dan tatacara permohonan Pinjaman Pendidikan MARA dan PTPTN

Bentuk Masa Depan Anda Di UniKL

 Kurikulum Menepati Keperluan Industri Lebih 130 program ditawarkan di 12 kampus seluruh negara	 Penilaian Profesional Sijil dikirafr "embedded industry"	 Tunjuk Ajar Pakar Tenaga pengajar yang berpengalaman dari industri
 Peluang Belajar/Bekerja Di Luar Negara Lebih daripada 100 rakan universiti/industri mobiliti di seluruh dunia	 Peluang Pinjaman Pelajaran Pelbagai akses untuk pinjaman pelajaran, biasiswa dan geran	 Bimbingan Kerjaya Serta rangkaian luas alumni dan rakan industri

TATACARA & SOP YANG PERLU DIPATUHI:
Amalkan penjarangan sosial, gunakan hand sanitizer dan memakai face mask ketika berurusan pada Hari Konsultasi. Semua yang hadir perlu merekodkan suhu badan sebelum mengambil nombor giliran dan konsultasi akan dibuat mengikut giliran.

HUBUNGI KAMI UNTUK PENGESAHAN TEMUJANJI:

- | | | |
|---|---------------------------------------|---|
| UniKL-MITEC ▶ 07-3812462 (Pasir Gudang) | UniKL MICE2 ▶ 06-5512000 (Alor Gajah) | UniKL-MIAT ▶ 03-87688487 (Sepang) |
| UniKL-MFI ▶ 03-89132800 (Bangi) | UniKL-MESTECH ▶ 03-87395894 (Kajang) | UniKL MIDI ▶ 03-91795000 (Cheras) |
| UniKL MIIT ▶ 03-21754146 (KL) | UniKL-BMI ▶ 03-61841000 (Gombak) | UniKL BIS ▶ 03-26875400 (Kg Baru) |
| UniKL-MIMET ▶ 05-6909000 (Lumut) | UniKL-RCMP ▶ 05-2432635 (Ipoh) | UniKL Kampus Kota ▶ 1800 888 177 atau 03-21754000 |

PENGAMBILAN SEPTEMBER 2020 BAGI PROGRAM IJAZAH



Kumpulan Pendidikan MARA

Universiti Kuala Lumpur DU011(W)

Universiti Kuala Lumpur

1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur


+603 2175 4000

Hotline : 1800 888 177

www.unikl.edu.my

Universiti Kuala Lumpur - Officialpage

UniKLOfficial



PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY INTELLECTUAL LAW